

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(X)22**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN  
YB. GOH CHOON AIK**

22. Sila nyatakan bilangan dan lokasi gelanggang futsal, gelanggang bola keranjang berbumbung dan gelanggang badminton tertutup yang telah dibina dalam 5 tahun yang lalu?
- (a) Apakah perancangan untuk penambahan kemudahan, program mencungkil bakat dan sistem latihan bagi ketiga-tiga sukan ini?

**YB. SOON LIP CHEE  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

22. Sejumlah 21 gelanggang futsal, 10 gelanggang bola keranjang tertutup dan 2 gelanggang badminton telah dibina dalam 5 tahun yang lalu. Senarai lokasi adalah seperti di Lampiran A.

Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSN) dengan kerjasama beberapa agensi yang berkaitan berganding bahu dalam meningkatkan prestasi sukan di negeri ini. Bagi mencapai hasrat Kerajaan Negeri untuk merancakkan pembangunan sukan dan aktiviti rekreasi sihat di kalangan rakyat Pulau Pinang, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan untuk pembinaan 2 buah akademi badminton dengan pelaburan swasta di KADUN Sungai Pinang dan sebuah kemudahan sukan bola keranjang di Kawasan Batu Kawan. Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah memperkenalkan Program 1 Kadun 1 Gelanggang Futsal bagi mewujudkan gelanggang futsal di setiap KADUN. Wakil rakyat boleh mengemukakan cadangan untuk penambahan kemudahan bagi ketiga-tiga sukan ini melalui

Pejabat Daerah. Walau bagaimanapun, cadangan untuk membina kemudahan sukan baharu akan dipertimbangkan dan dilaksanakan secara berfasa tertakluk kepada permohonan dan keperluan untuk sukan tersebut dari semasa ke semasa.

Selain itu, melalui inisiatif program mencungkil bakat, MSNPP dengan kerjasama Persatuan Sukan Negeri, Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang, Institut Sukan Negara Pulau Pinang dan Unit Sukan Prestasi Tinggi Negeri Pulau Pinang akan mengadakan program uji bakat *Talent Identification* di sekolah-sekolah seluruh Negeri Pulau Pinang dari semasa ke semasa bagi mencari atlet-atlet baru untuk diketengahkan ke program latihan berpusat negeri di bawah bimbingan Jurulatih Sukan Negeri.

Dalam pada itu, program sistem latihan sukan yang dilaksanakan untuk pembangunan atlet-atlet berprestasi tinggi negeri dilaksanakan menerusi Persatuan Sukan Negeri untuk sukan-sukan yang dipertandingkan di peringkat Sukan Malaysia (SUKMA). Dalam menyokong program pembangunan sukan, MSNPP akan membantu pihak persatuan sukan negeri melalui pengajuran pelbagai kursus sains sukan dan penawaran khidmat kemudahan sains sukan dengan kerjasama dari Institut Sukan Negara untuk mengoptimakan prestasi atlet-atlet negeri dari segi peningkatan tahap psikologi dan mental, kecergasan dan kepantasan serta daya saing secara berterusan.